

## **Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah**

Mariani Omar & Siti Sarah Hamzah

*Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia  
Tel: +60173729156 E-mail: [mariani@kuisas.edu.my](mailto:mariani@kuisas.edu.my)*

---

**ABSTRAK:** *Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS). Responden kajian terdiri dari 10 orang kakitangan KUISAS yang dipilih secara rawak. Kaedah temu bual digunakan untuk mengumpul maklumat yang dikehendaki. Soalan temu bual dibangunkan sendiri oleh pengkaji dengan diadaptasi daripada kajian lepas oleh Ganesan Kamoo dan Noraini M. S. (2014). Pengkaji menggunakan cara manual untuk menganalisis transkrip temu bual yang dipindahkan dalam bentuk kod (coding) untuk menyusun semua maklumat responden kajian dianalisis dengan lebih sistematis. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif menjadi pilihan utama ( $n=7$ ) dalam kalangan kakitangan diikuti oleh gaya asuhan autoritarian dan permisif ( $n=3$ ). Selain itu terdapat sedikit perbezaan gaya asuhan ibu bapa berdasarkan jantina anak. Hasil dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa turut menerapkan nilai agama dalam kehidupan anak mereka seperti bersolat, berpuasa dan menghormati orang tua.*

---

**KATA KUNCI:** *Gaya asuhan, autoritatif, authoritarian, permisif, keibubapaan, nilai agama*

---

### **I. PENGENALAN**

Gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan utama dalam membesar dan mendidik anak-anak menjadi dewasa. Ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang terawal dan terdekat berdampingan dengan anak-anak. Ibu bapa akan memilih dan mengenakan gaya asuhan tertentu terhadap anak dengan mampu mempengaruhinya dari segi pembentukan personaliti, perkembangan kognitif dan kecekapan sosial (Azizi & Jaafar Sidek, 2005; Ahmad Yassin, 2006). Gaya asuhan ini termasuklah bagaimana cara mereka berkomunikasi, memberi didikan, mempraktikkan kawalan, cara memelihara dan cara berinteraksi dengan anak-anak (Abdullah & Ainon, 2000). Oleh yang demikian semua bentuk perhubungan sama ada secara lisan mahupun perbuatan di antara ibu bapa dengan anak-anak akan mempengaruhi pembentukan personaliti tumbesaran anak yang meningkat besar dan menjadi remaja.

Pelbagai cara dan gaya asuhan telah diperaktikkan oleh para ibu bapa untuk membimbang dan mengasuh anak-anak ke arah kebaikan yang difikirkan bersesuaian dengan cara tersendiri. Kajian mengenai gaya asuhan dan keibubapaan yang diasaskan oleh Baumrind (1996), telah mengemukakan beberapa gaya asuhan yang boleh menjadi panduan kepada para ibu bapa dalam mengasuh anak-anak mengikut kesesuaian masing-masing. Di antara tiga daripada gaya tersebut iaitu gaya autoritatif, authoritarian dan permisif telah menjadi pilihan dan fokus kepada kajian ini.

Menurut Baumrind (1996) dan Gottman (1997) mendapati bahawa anak-anak yang diasuh dengan gaya asuhan autoritatif menunjukkan lebih berkeyakinan dan mampu mengawal diri serta menyelesaikan masalah yang dihadapi. Gaya asuhan ibu bapa autoritatif menunjukkan ibu bapa mengawal dan bertanggungjawab terhadap anak-anak. Gaya asuhan mereka lebih bersifat rasional dan demokratik yang dapat membentuk anak-anak berfikiran secara positif, aktif bersosial dan bertanggungjawab. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan authoritarian pula mempunyai sifat kawalan yang tinggi, tetapi kurang dalam bertanggungjawab. Anak-anak yang dibentuk akan mempunyai sifat-sifat seperti berfikiran negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, khuatir, konsep kendiri yang rendah dan kurang motivasi untuk berdiskusi.

Manakala gaya asuhan permisif pula merujuk kepada ibu bapa yang mesra dan bertanggungjawab, tetapi lemah dalam kawalan dan akan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung dan mempunyai permintaan yang tinggi (Baumrind, 1996). Gaya asuhan yang diterima oleh anak-anak semasa kecil memberi kesan kepada perlakuan dan gaya berfikir terutamanya pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Ia akan dijelaskan melalui cara bertindak, berfikir dan bertingkah laku yang merangkumi pembentukan personaliti individu (Azizi

& Jaafar Sidek, 2005; Habibah & Noran Fauziah, 1997) Sememangnya gaya asuhan ibu bapa memberi kesan yang kuat ke atas pembentukan personaliti pelajar sebagaimana yang dijelaskan oleh Atan Long (1978) bahawa ibu bapa merupakan teras bagi sesebuah keluarga dan sekali gus bertindak sebagai agen sosialisasi dalam kehidupan anak-anak mereka. Sebagai agen sosialisasi, ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya bagi membimbing anak-anak mereka ke arah kebaikan dan kesejahteraan yang diingini.

Matlamat utama setiap ibu bapa adalah ingin melihat anak-anak mereka membesar menjadi individu yang berkualiti, sihat dan seimbang dari segi rohani dan jasmani. Kebiasaan ibu bapa akan mencapai matlamat ini apabila anak-anak mereka sudah mampu menyesuaikan emosi mereka dengan persekitaran yang dilalui (Gottman, 1997). Kajian lepas menunjukkan bahawa anak-anak yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi lebih mudah memahami emosi mereka sendiri, fokus pada apa yang sedang mereka lakukan, mudah memahami orang lain dan menunjukkan pencapaian akademik yang lebih cemerlang (Fatanah, 1997; Ishak, 2004). Mereka juga dikatakan sukar untuk mendapat masalah kesihatan dan mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sebaya.

Setiap ibu bapa menerapkan gaya asuhannya yang tersendiri dalam mempengaruhi tingkah laku anak-anak mereka. Kenyataan ini disokong oleh beberapa kajian lepas oleh Dzulkarnain (1999), Abdullah dan Ainon (2000), dan Baumbach K., Forward G.L. & Hart D., (2006) yang menunjukkan bahawa gaya asuhan yang berbeza akan menghasilkan anak-anak yang mempunyai ciri personaliti dan tingkah laku yang berbeza. Dapatkan kajian tersebut sama dengan kajian oleh Fatanah (1997), Habibah dan Noran (1997) yang mendapati kesan asuhan ibu bapa ke atas personaliti dan tingkah laku anak-anak adalah bergantung kepada gaya asuhan yang diamalkan. Ini adalah kerana nilai dan praktik yang diamalkan oleh anak-anak tidak akan wujud dengan sendiri kecuali dipengaruhi oleh personaliti, nilai dan sikap ibu bapa yang diterapkan dalam gaya asuhan mereka.

## **II. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Gaya asuhan ibu bapa jelas menunjukkan pengaruh yang amat penting dalam unit kekeluargaan. Ini kerana asuhan dan didikan awal bagi anak-anak bermula di rumah, sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan dan menjadi remaja. Dewasa ini, hampir setiap hari ada kes salah laku dalam kalangan remaja, baik dalam bentuk yang kecil iaitu seperti ponteng sekolah, melawan guru dan sebagainya hingga kepada salah laku yang lebih serius seperti kes pecah rumah, merempit, merompak dan meragut. Natijah daripada perkara ini akan mewujudkan pelbagai gejala sosial seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, bersekedudukan, lari dari rumah, bohsia, bohjan dan akhirnya membawa kepada perlakuan pengguguran dan pembuangan bayi. Pada masa yang sama perkara ini akan menimbulkan masalah kepada banyak pihak seperti ibu bapa, guru dan masyarakat dalam menangani masalah ini.

Di samping itu, ibu bapa menerapkan gayanya yang tersendiri bagi mempengaruhi tingkah laku anak mereka. Tingkah laku dan personaliti anak-anak turut bergantung kepada gaya asuhan yang diamalkan ibu bapa.

Kajian oleh Englander (1987) menunjukkan bahawa masalah disiplin di sekolah semakin serius yang dibuktikan daripada hasil dapatan bahawa 80 peratus masa guru diperuntukkan dalam masalah disiplin pelajar. Seterusnya penyelidikan yang dibuat olehnya juga berkaitan tingkah laku tidak berdisiplin dalam kalangan pelajar adalah kerana ketidakupayaan ibu bapa menerapkan gaya asuhan yang mementingkan nilai dan moral yang mantap dalam diri anak-anak mereka. Rentetan daripada kajian tersebut juga menunjukkan bahawa banyak faktor yang menyebabkan anak-anak melakukan masalah disiplin tersebut dan faktor-faktor ini lazimnya dikelompokkan kepada faktor dalam sekolah dan faktor luar sekolah seperti persekitaran, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pelbagai. Berikut ialah petikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) tentang perkara ini:

*“Hari ini sekolah-sekolah menampung pelajar-pelajar yang lebih tidak seragam, iaitu dari segi sosial, ekonomi dan nilai budayanya kerana peluang-peluang bagi mendapatkan pelajaran adalah terbuka kepada semua pelajar. Selain daripada itu, faktor ibu bapa juga dikatakan sebagai salah satu sebab yang mempengaruhi disiplin pelajar. Antaranya ialah struktur dan organisasi keluarga, sistem hukuman dan penghargaan kepada anak-anak, suasana dan nilai interaksi dalam keluarga serta sikap dan tanggapan kepada anak-anak.”*

Masalah salah laku remaja juga berpunca dari kurangnya asuhan dan didikan yang sempurna daripada ibu bapa sendiri. Masalah salah laku anak-anak ini kadangkala boleh memberi implikasi yang sangat serius dalam masyarakat. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat masalah salah laku remaja telah menyebabkan berlakunya keganasan seperti penggunaan senjata api untuk mencederakan orang lain (Benbenishty & Astor, 2005). Di negara kita, perkara sedemikian belum berlaku, tetapi sekiranya tidak dibendung awal tidak mustahil peristiwa sedemikian akan berlaku. Perkara yang melibatkan masalah dalam kalangan anak-anak ada hubungan dengan gaya asuhan ibu bapa. Oleh itu, isu ini menjadi fokus utama pengkaji menjalankan penyelidikan bagaimana ibu bapa mengasuh anak-anak mereka yang sangat signifikan. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama. Contohnya, anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang mengambil alkohol dan mengalami kekecewaan di dapati lebih bermasalah tingkah laku berbanding ibu bapa yang tidak mengambil alkohol dan sihat (Phares and Compas, 1992).

Ketidakupayaan ibu bapa dalam mendisiplinkan anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingkah laku tidak baik. Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak (Jacobvitz et al., 1996). Kebanyakan tingkah laku antisosial remaja juga berpunca daripada ketidakupayaan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz et al., 1996, Vuchinich, 1992). Di samping itu, kajian lepas turut menunjukkan bahawa ibu bapa yang kurang menekankan nilai keagamaan dalam kehidupan anak-anak turut menyumbangkan kepada masalah salah laku. Namun apa yang lebih membimbangkan adalah ketidakupayaan masyarakat sekitar membendung masalah sosial yang semakin bertambah akibat kekurangan fasa membaik pulih di peringkat awal lagi (Ismail, 2002).

Oleh itu, cara asuhan bagaimana ibu bapa membentuk dan mendidik remaja terletak di tangan mereka sendiri. Hubungan dan ikatan mesra antara ibu bapa dan anak-anak remaja adalah penting dalam pembentukan sahsiah dan moral serta tingkah laku remaja. Ibu bapa juga perlu memberikan kasih sayang, perhatian dan keperluan yang secukupnya terhadap anak-anak remaja mereka, agar mereka merasakan disayangi dan dihargai. Selain itu, aspek asuhan dan didikan disiplin turut perlu diberikan penekanan yang sewajarnya dalam hal-hal sosialisasi anak-anak agar mereka menjadi individu yang berfikiran positif. Selain itu, ada sebahagian ibu bapa yang menekankan nilai-nilai agama dalam kehidupan anak-anak seperti mengikut gaya asuhan yang telah digariskan oleh Rasulullah s.w.a. dapat membentuk akhlak dan sahsiah anak yang lebih baik.

Merujuk kepada banyak kajian lepas oleh Ishak (2004) dan Balan & Rahimah (2006), Azizi Yahya (2010), Azizi Yahaya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. (2005) dan Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011), kajian mereka lebih cenderung menggunakan kaedah kuantitatif. Hasil daripada sorotan kajian lepas turut menunjukkan bahawa kurang kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Oleh itu kajian ini memilih kajian kualitatif untuk mendapatkan maklum balas lebih mendalam daripada responden.

### **III. PENYATAAN MASALAH**

Masalah sosial yang melanda remaja kini semakin serius dan mencabar selaras dengan perubahan zaman dan era globalisasi serta modenisme. Banyak nilai dan norma yang sebelum ini menjadi garis panduan dalam kehidupan masyarakat tidak lagi diterima pakai. Generasi yang lebih dewasa juga tidak mampu menasihati generasi muda, sebaliknya hanya mampu melihat, memerhati dan menunggu detik kesedihan dan tangisan pilu melihat bencana yang menimpa generasi muda. Setiap hari dipaparkan dalam media massa pelbagai insiden masalah sosial, pergaduhan, pembunuhan, pencabulan, anak lari dari rumah hilang pedoman dan sebagainya (Muhammad Bakir Yaakub, 2004).

Gejala keruntuhan akhlak dan salah laku dalam kalangan anak remaja seringkali dikaitkan dengan sosial kekeluargaan remaja itu sendiri (Sham Sani Salleh, 1994). Di samping itu juga, gejala-gejala sosial yang melanda remaja kini juga sering dianggap sebagai satu manifestasi ketidakupayaan sesebuah sosial keluarga dalam aspek pembentukan sahsiah dan pendidikan anak-anak. Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses sosialisasi remaja iaitu sikap, nilai

dan sosial kepercayaan akan diterapkan ke dalam minda remaja. Selain itu, persekitaran keluarga juga menjadi suasana kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya. Kajian oleh Sham Sani Salleh (1994) menyatakan bahawa salah laku dan anti sosial turut dikaitkan dengan tingkah laku dan struktur keluarga itu sendiri. Mengikut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk sosiality seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa.

Kajian ini telah memfokuskan kepada gaya asuhan ibu bapa dalam institusi kekeluargaan mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Di samping itu, setiap keluarga juga mengamalkan gaya asuhan dan pemantauan tersendiri yang berbeza terhadap ahlinya dan dengan ini akan memberi impak terhadap sahsiah dan moral anak-anak. Kajian ini juga turut meninjau sejauh manakah corak gaya asuhan tertentu terdapat komponen nilai-nilai agama di dalamnya. Justeru dengan gaya asuhan yang baik dan penuh kasih sosial dapat membentuk keluarga bahagia serta dapat menghindari masalah sosial dalam kalangan remaja.

#### **IV. RASIONAL KAJIAN**

Senario masalah salah laku dalam kalangan pelajar remaja dianggap sebagai satu gejala yang semakin serius sejak kebelakangan ini. Ianya juga menjadi satu masalah yang besar di pihak sekolah, dan turut mengganggu gugat kelancaran perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Lebih hebat lagi, seringkali dipaparkan di dada-dada akhbar tentang pelbagai masalah laku serius ini yang dilakukan oleh pelajar sekolah. Perkara ini jelas membuktikan bahawa kemelut masalah sosial yang melanda pelajar remaja kini adalah semakin serius dan sekiranya tidak ditangani dengan sebaik mungkin ianya akan memberi kesan yang negatif terhadap generasi akan datang. Melihat kepada permasalahan dan isu yang melanda pelajar remaja pada masa kini amatlah membimbangkan. Tindakan dan pengawalannya dirasakan perlu dibuat kajian tentang gaya asuhan ibu bapa bermula di rumah. Kajian ini turut dilaksanakan agar dapat menyedarkan ibu bapa atau penjaga tentang betapa pentingnya peranan asuhan keluarga yang sempurna yang perlu dimainkan dalam membentuk tingkah laku yang lebih bermoral dalam diri anak remaja. Setiap pengaruh dan rangsangan dari luar perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh keluarga agar remaja tidak lepas bebas sepenuhnya tanpa perhatian dan bimbingan sebaiknya. Generasi yang berketerampilan, berdaya saing dan berakhhlak mulia perlu dibentuk dan dibimbing bukan sahaja melibatkan pihak sekolah semata-mata, malah ibu bapa sepatutnya turut memainkan peranan yang lebih besar lagi. Menerusi kajian ini, pelbagai alternatif perlu dicari bagi menentukan dan melihat serta menilai sejauh manakah gaya asuhan ibu bapa di rumah mampu mengurangkan masalah sosial remaja. Segala kekurangan dalam cara asuhan ibu bapa di rumah khususnya perlulah diperbaiki agar ianya menjadi lebih efektif dan mewujudkan suasana keluarga yang lebih kondusif serta harmoni.

#### **V. OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya objektif kajian ini untuk mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak. Kajian ini juga akan memberi fokus kajian dalam kalangan kakitangan KUISAS untuk mengumpul data-data yang diperlukan. Objektif yang khusus dalam kajian ini adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa yang diamalkan dalam kalangan kakitangan KUISAS.
2. Mengenal pasti komponen nilai dalam agama yang diterapkan dalam kehidupan anak-anak.
3. Mengenal pasti perbezaan gaya asuhan ibu bapa berdasarkan jantina anak-anak.

#### **VI. PERSOALAN KAJIAN**

Sehubungan dengan objektif yang dinyatakan ini, beberapa persoalan kajian akan dibincangkan sebagaimana berikut :

1. Apakah gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa yang diamalkan dalam kalangan kakitangan KUISAS?
2. Apakah komponen nilai dalam agama yang diterapkan dalam kehidupan anak-anak?
3. Apakah terdapat perbezaan gaya asuhan ibu bapa berdasarkan jantina anak-anak?

## **VII. REKA BENTUK KAJIAN**

Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif yang menggunakan sampel bagi tujuan pengumpulan maklum balas yang diperlukan. Pendekatan kualitatif yang digunakan memperlihatkan kaedah deskriptif dan data dikumpul dari perkataan atau gambar dan bukan dari angka. Kajian ini telah menggunakan teknik temu bual. Semua maklumat temu bual dicatat dan direkodkan dengan kebenaran responden untuk tujuan analisis data. Fokus kajian adalah mengenai gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak.

Temu bual digunakan untuk memperoleh maklum balas tentang fakta, perasaan dan aspek-aspek lain yang ingin dikaji. Menggunakan teknik temu bual, pengkaji dan responden perlu hadir secara bersemuka. Dalam pertemuan bersemuka ini data-data dan maklumat yang diingini diperoleh secara langsung. Kajian ini lebih mengutamakan analisis maklum balas yang diperoleh dari sepuluh responden.

## **VIII. SAMPEL**

Sampel kajian ini terdiri daripada 10 orang kakitangan KUISAS. Tujuan pemilihan sampel sedemikian adalah untuk mengenal pasti gaya asuhan kakitangan di KUISAS kerana belum ada lagi kajian dibuat di sini. Pemilihan sampel, dilakukan secara rawak bertujuan. Sampel yang terlibat ialah 5 orang responden lelaki dan 5 orang responden perempuan. Semua sampel yang ditemu bual telah berkahwin dan mempunyai anak.

Responden 1 berumur 38 tahun dan telah berkahwin selama 16 tahun. Responden menetap di Kuala Kangsar dan mempunyai 4 orang anak, kesemuanya lelaki. Responden 2 pula berumur 39 tahun, mempunyai seorang anak lelaki dan 2 orang anak perempuan. Manakala responden 3 berumur 49 tahun, mempunyai 3 orang anak iaitu seorang anak perempuan dan 2 orang anak lelaki. Responden juga seorang duda dan membesaraskan anak-anaknya sendirian. Responden 4 berumur 42 tahun, seorang ibu tunggal dan mempunyai 5 orang anak iaitu 4 anak lelaki dan seorang anak perempuan. Responden 5 pula berumur 45 tahun, mempunyai 7 orang anak iaitu 4 anak lelaki dan 3 anak perempuan. Responden 6 berumur 35 tahun dan mempunyai 2 orang anak iaitu seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Responden 7 pula berumur 34 tahun, mempunyai 2 anak dan kedua-duanya perempuan. Responden 8 berumur 35 tahun dan mempunyai 2 orang anak iaitu seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Responden 9 pula berumur 29 tahun, mempunyai seorang anak perempuan. Akhir sekali, responden 10 berumur 37 tahun dan mempunyai seorang anak perempuan.

## **X. INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen kajian yang digunakan adalah berpandukan temu bual soalan berstruktur dan terbuka. Dalam penyelidikan beberapa soalan temu bual telah dibentuk untuk mengumpulkan data yang diperlukan. Soalan-soalan yang dibina dalam temu bual adalah terdiri daripada 14 soalan yang berkaitan gaya asuhan kakitangan KUISAS terhadap anak-anak mereka. Gaya asuhan tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian seperti gaya asuhan autoritatif, authoritarian, permisif dan gaya asuhan secara Islamik.

Soalan temu bual yang dibentuk oleh pengkaji adalah berdasarkan objektif kajian. Ini bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data yang diperlukan. Antara soalan yang dibentuk pengkaji ialah berkaitan latar belakang responden, gaya asuhan yang digunakan, nilai-nilai agama yang diterapkan kepada anak-anak dan perbezaan gaya asuhan kepada anak lelaki dan anak perempuan. Sebelum soalan temu bual ini diaplikasikan dalam kajian, soalan ini telah disemak oleh beberapa pakar seperti pakar bahasa, penyelia kajian ilmiah dan merujuk kamus dewan bahasa. Semua responden telah bersetuju dan menandatangani surat kebenaran menjalankan temu bual.

## **XI. PROSEDUR KAJIAN**

Temu bual dalam kajian ini perlu melalui beberapa prosedur yang agak rumit. Beberapa langkah perlu diikuti oleh pengkaji dan responden. Langkah yang pertama, sebelum menjalankan kajian beberapa persediaan perlu dijalankan seperti proses mengenal pasti responden sudah berkahwin dan mempunyai pengalaman membesar anak. Kemudian temu janji akan dibuat dan menetapkan masa dan tarikh untuk menjalankan temu bual.

Langkah kedua, setelah membuat temu bual akan dijalankan. Ketika temu bual dibuat responden perlu menandatangani surat kebenaran temu bual atas kerelaan responden. Beberapa soalan akan ditanya kepada responden berdasarkan objektif kajian dijalankan. Masa yang diambil antara 25-30 minit. Dalam temu bual pengkaji akan menggunakan kaedah membuat catatan atau rekod maklum balas temu bual dengan responden.

Peringkat seterusnya, pengkaji akan menganalisis maklumat yang didapati daripada temu bual tersebut. Semua maklumat-maklumat daripada temu bual 10 responden tersebut akan dipindahkan dalam bentuk transkrip. Seterusnya data daripada transkrip akan dipindahkan dalam bentuk jelas dan pengkaji akan menganalisis data tersebut mengikut 3 kod objektif kajian yang utama.

## XII. ANALISIS DAPATAN

Pengkaji telah menggunakan cara manual dalam kajian ini untuk menganalisis data yang dikumpul semasa proses temu bual dijalankan. Pengumpulan data daripada kakitangan KUISAS dirakam dan dicatatkan sebagai data untuk dianalisis. Semua data daripada responden dipindahkan ke dalam bentuk transkrip. Kemudian data bentuk transkrip dipindahkan dalam bentuk kod (*coding*) untuk menyusun semua bahan kajian agar dapat mengurus data dengan lebih sistematik.

Penganalisaan data memerlukan pengkaji membina kategori dengan membuat perbandingan dan perbezaan data. Menurut Creswell (2005), Corbin dan Strauss (2008) dan Boeije (2010), kod (*open coding, axial coding dan selective coding*) merupakan alat untuk menyusun data-data mengikut urutan berdasarkan pembahagian data kepada kategori yang lebih mudah. Kod dalam kajian kualitatif merupakan satu proses data dikenal pasti untuk menjadi satu idea, tema atau kategori. Pada peringkat ini pengkaji menyusun balik data untuk menjawab kesemua soalan kajian dan mengetahui tujuan kajian.

Kajian ini melibatkan beberapa langkah dalam menganalisis data. Langkah pertama dalam menganalisis data ini ialah memerlukan pengkaji menulis kembali data dalam bentuk audio kepada bentuk transkrip. Kaedah ini dibuat supaya mudah untuk pengkaji menganalisis data. Berikut adalah salah satu contoh data yang diubah ke dalam bentuk transkrip.

Langkah kedua ialah transkrip daripada 10 responden dianalisis untuk mendapatkan kod. Kod data disusun supaya bahan kajian dapat diuruskan dengan lebih kemas dan teratur. Langkah seterusnya, pengkaji perlu menganalisis data di dalam bentuk kod mengikut objektif kajian.

**Objektif 1:** Mengenal pasti jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa yang diamalkan dalam kalangan kakitangan KUISAS.

### i. Gaya Asuhan Autoritatif

Analisis data kajian menunjukkan gaya asuhan autoritatif yang mana ibu bapa menunjukkan sikap prihatin, tegas dan adil dalam melakukan kawalan dan peraturan terhadap anak-anak. Analisis data kajian menunjukkan tujuh daripada sepuluh ibu bapa memperkenalkan gaya asuhan autoritatif. Antara perkara yang jelas ialah dari aspek pemantauan aktiviti anak-anak dalam kehidupan seharian. Berikut adalah jawapan hasil daripada temu bual terhadap responden.

S1: Apakah gaya asuhan puan/tuan terhadap anak-anak?

S2: Sejauh mana puan membenarkan anak puan membuat apa sahaja yang dia suka?

**Jadual 1. Maklum balas responden terhadap cara gaya asuhan Gaya Asuhan Autoritatif**

Responden	Maklum balas
1	'Saya memberi pelajaran kepada anak-anak, memberi ilmu dunia dan akhirat. Selain itu, saya juga mempraktikkan anak-anak melakukan kerja sehari-hari seperti melakukan kerja-kerja rumah.'  S2: "Saya akan benarkan seperti dalam bersukan saya benarkan apa yang mereka suka. Begitu juga dalam melayari internet dan beriadah. Saya benarkan tetapi ada batasnya. Jika melebihi batas saya akan menegurnya'

3	Saya telah berpisah dengan isteri lebih kurang 6 tahun jadi telah menjadi tanggungjawab saya untuk menjaga sendiri semua anak-anak saya. Saya mendidik mereka dengan menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri mereka.  S2: "Perkara yang baik saya akan benarkan dan tiada halangan. Saya akan memastikan mereka meminta pandangan dari saya terlebih dulu"
4	S1: Saya memberi mereka pelajaran yang secukupnya dan menggunakan kaedah menjadi 'kawan' mereka. Mereka akan selesa dengan keadaan itu. Saya juga akan memberikan nasihat apabila perlu.  S2: Saya akan memantau apa yang mereka hendak lakukan dan membenarkan mereka lakukan perkara yang baik sahaja.
5	S1: Saya menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan anak-anak. Saya selalu mengingatkan kepada anak-anak supaya tidak lupa Allah walaupun dalam apa jua keadaan. Mereka juga diingatkan supaya rajin berusaha dan berdoa kepada Allah.  S2: Saya akan membenarkan sesuatu perkara jika ia tidak bertentangan dengan agama. Seperti salah seorang anak saya yang minat menonton anime kartun, saya akan pantau jika tidak menyalahi agama saya tidak melarang. Dan apabila waktu solat, saya akan menyuruh anak solat terlebih dahulu begitu juga apabila saya menyuruh melakukan sesuatu kerja. Saya juga mengingatkan anak-anak supaya tidak lupakan pelajaran.
8	S1: Saya menggunakan cara berlembut dalam keras iaitu tegas.  S2: Saya akan membenarkan jika perkara itu mendatangkan kebaikan. Bagi kanak-kanak jika perkara itu mendatangkan bahaya saya tidak benarkan tambahan pula mereka tengah mengenal dunia, saya akan sentiasa memantau mana yang boleh dan tidak boleh.
9	S1: Saya mengasuh secara tegas tetapi dengan kasih sayang.  S2: Saya akan memberi kebebasan tetapi akan tetap memantau setiap perlakuan yang mereka buat.
10	S1: Saya akan pentingkan dari segi agama seperti saya masukkan anak saya ke tadika agama sejak kecil. Selain itu, saya jadikan Rasulullah sebagai idola dan akan rujuk gaya baginda dalam apa jua masalah. Saya memang tekankan pendidikan mengikut gaya Rasulullah.  S2: Saya akan memantau dan membenarkan selagi tidak bercanggah dari nilai-nilai Islam.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek gaya asuhan ibu bapa pola tingkah laku kepelbagaiannya gaya asuhan ibu bapa dalam keluarga. Terdapat dua gaya asuhan ibu bapa yang dapat dikenal pasti dalam kajian iaitu '*autoritatif*' atau demokratik dan '*laissez faire*' atau permisif. Selain itu ibu bapa juga dikenal pasti mengamalkan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan anak-anak mereka. Walaupun ada dalam kalangan ibu bapa yang tidak terlalu menekankan aspek ini, mereka masih inginkan anak-anak mereka mengamalkannya. Begitu juga perbezaan dalam mengasuh anak lelaki dan perempuan. Setiap ibu bapa mempunyai pandangan yang berbeza mengenai gaya asuhannya.

Tujuh daripada sepuluh ibu bapa mengamalkan gaya asuhan autoritatif. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa ibu bapa yang mempunyai gaya asuhan autoritatif lebih bersikap prihatin tegas dan adil serta sentiasa mengawal pergerakan dan aktiviti anak. Selain itu, ibu bapa juga akan memberikan nasihat dan kalau perlu akan menggunakan rotan. Kesemua tindakan ini akan mendisiplinkan anak-anak dan membentuk modal insan yang boleh mengatur aktiviti harian dengan sendiri. Ibu bapa juga turut menyerapkan nilai-nilai agama dalam mendidik anak-anak.

## **ii. Gaya Asuhan Permisif**

Gaya kepimpinan '*laissez faire*' atau permisif memperlihatkan ibu bapa yang memberi perhatian yang minimum, kawalan dan peraturan yang tidak ketat serta kurang prihatin terhadap anak-anak. Kumpulan ibu bapa ini kurang memberi perhatian terhadap segala tingkah laku anak-anak. Bagi kes-kes ibu bapa yang mengamalkan kepimpinan '*laissez faire*' atau permisif dalam kajian ini, mereka masih meletakkan garis panduan dan aturan sangat minima untuk anak-anak.

**Jadual 2. Maklum balas responden terhadap cara gaya asuhan Gaya Asuhan Permisif**

<b>Responden</b>	<b>Maklum balas</b>
2	S1: Saya memberi kebebasan pada mereka, dan mendidik mereka mengikut cara Islam. Saya akan beri sedikit contoh untuk anak-anak.  S2: Saya akan membenarkan sejauh mana yang dirasakan boleh tetapi dalam satu masa saya akan memberi nasihat.
6	S1: Saya mendidik anak dengan cara memberi nasihat sambil mengajar. Dalam setiap kata-kata nasihat saya, saya akan selitkan unsur pengajaran. Dari situ, mereka akan mudah memahaminya.  S2: Saya akan membenarkan jika perkara itu elok untuk dirinya.
7	S1: Saya menggunakan kaedah bercerita, teguran, nasihat dan juga soal jawab. Selain itu, saya juga menggunakan kaedah berdasarkan pengalaman saya yang mempunyai nilai-nilai yang baik dan boleh digunakan.  S2: Saya akan membenarkan selagi tidak menyakiti dan menyalahi atau melampaui batas.

Kenyataan di atas menggambarkan ibu bapa memberikan perhatian tetapi tidak tegas dan kurang mengawal tingkah laku anak-anak. Hasil kajian menunjukkan tiga daripada sepuluh ibu bapa mengamalkan gaya kepimpinan ‘*laissez faire*’ atau permisif.

**Objektif 2:** Mengenal pasti komponen nilai-nilai agama yang diterapkan dalam kehidupan anak-anak.

**Jadual 3. Maklum Balas Responden Terhadap Komponen Nilai-nilai Agama Dalam Gaya Asuhan Ibu Bapa**

<b>Responden</b>	<b>Maklum balas</b>
1	Ya. Saya menyuruh mereka mendirikan solat dan menghantar mereka mengaji. Selain itu, setiap hari Jumaat saya mewajibkan mereka ke masjid.  'Menolong ibu bapa seperti mengemas rumah dan saling membantu antara satu sama lain. Saya juga menekankan dari segi aspek pemakaian, pakai pakaian yang sopan.'
2	Ya. Saya akan menyuruh anak-anak solat dan mengaji.  'Saya menyuruh anak-anak solat, berpuasa dan jaga tingkah laku. Selain itu, saya juga mengajar mereka menghormati orang tua termasuk juga orang luar.'
3	Saya akan jadikan saya contoh untuk anak-anak seperti mendirikan solat. Dari situ, mereka akan mengikut apa yang saya lakukan. Saya akan menegur mereka dengan lembut jika mereka tidak melakukannya.  'Saya akan memastikan anak-anak mendirikan solat, berpuasa dan menghormati orang dan kaum keluarga'
4	Ya. Saya akan menyuruh mereka mendirikan solat 5 waktu tetapi terpulang ingin melakukan atau tidak kerana masing-masing sudah dewasa dan boleh berfikir sendiri.  'Memberi nasihat dan membantu membuat kerja-kerja rumah. Tetapi mereka jarang ada di rumah dan banyak menghabiskan masa di luar kecuali anak bongsu saya.'
5	Ya. Saya selalu mengingatkan anak-anak tentang solat dan menghantar mereka mengaji.  'Mengikut sunnah. Mengajar anak-anak membaca doa dalam setiap perkara yang dilakukan seperti doa makan, keluar rumah dan lain-lain lagi. Dari segi pemakanan, saya juga akan

	memberi mereka makan makanan mengikut sunnah seperti madu dan kurma. Saya akan memantau setiap makanan yang dimakan adakah halal atau sebaliknya.
6	Ya. Saya akan menyuruh anak-anak mendirikan solat dan mengaji. Selain itu, saya juga akan memberi contoh yang terbaik untuk anak-anak.  'Saya akan mengajar anak-anak bercakap dengan cara yang sopan
7	Ya. Saya akan mengajar anak-anak untuk bersolat dan mengaji.  'Saya akan mengajar mereka bercakap secara lemah lembut dan menghormati ibu bapa.
8	Semestinya. Saya mengajar anak-anak membaca doa sebelum makan, sebelum tidur dan memberi salam ketika hendak masuk ke rumah. Selain itu apabila masuk waktu solat, kami akan solat berjemaah satu keluarga.  'Bercakap secara sopan dengan ibu bapa seperti tidak meninggikan suara. Selain itu, saya juga ajar anak-anak memanggil orang yang lebih tua dengan menggunakan gelaran atau pangkat
9	Ya. Saya mengajar anak sebelum makan perlu membaca doa dan bersolat secara berjemaah. Selain itu saya akan memakaikan anak dengan pakaian yang menutup aurat.  'Walaupun di rumah, saya akan tekankan aspek pemakaian yang menutup aurat. Saya juga mengajar anak supaya bersopan dan menghormati orang yang lebih berusia.
10	Anak perlu bersolat walau belum mencapai usia 10 tahun dan pentingkan menjaga solat 5 waktu.  'Di rumah televisyen jarang dibuka, kalau ingin menonton televisyen saya akan memantau siaran yang ingin ditonton. Jika berbentuk keagamaan saya akan membenarkan. Sebagai ibu juga kita perlu berkorban untuk anak-anak. Saya juga selalu membelikan buku berbentuk keagamaan seperti sirah-sirah nabi dan nilai-nilai akhlak yang baik.

Komponen nilai agama dalam gaya asuhan ibu bapa, dapatkan kajian daripada aspek nilai-nilai agama menunjukkan responden masih mengamalkan gaya asuhan ini walaupun kurang menekannya. Setiap gaya asuhan keagamaan dimulakan dari dalam rumah. Perkara yang biasa diterapkan ialah seperti dari segi pemakaian, solat ,puasa dan tingkah laku.

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa setiap ibu bapa tetap menerapkan nilai-nilai agama dalam kehidupan anak-anak. Oleh itu, setiap responden akan mengajar anak-anak mereka tentang agama walaupun sedikit. Bagi responden 4 kurangkan menekankan aspek agama kerana keputusan terletak di tangan anak-anaknya sendiri sama ada untuk mengikut ataupun tidak. Bagi responden 5 pula, di samping mengamalkan nilai-nilai agama dia juga mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah untuk anak-anaknya seperti dari segi pemakanan. Kesemuanya responden menerapkan nilai-nilai agama yang lebih kurang sama seperti menyuruh anak bersolat, belajar al-Quran dan berpuasa serta nilai-nilai baik yang lain.

**Objektif 3:** Mengenal pasti perbezaan gaya asuhan ibu bapa berdasarkan jantina anak-anak.

Selain itu, responden juga menerapkan aspek perbezaan gaya asuhan ibu bapa berdasarkan jantina anak-anak dalam bentuk kelakuan dan akhlak yang mulia, mengikut jantina secara umum.

**Jadual 4. Maklum Balas Responden Terhadap Perbezaan Dalam Mengasuh Anak Lelaki Dan Anak Perempuan**

Responden	Maklum balas
1	Ya, saya menyuruh mereka mendirikan solat dan menghantar mereka mengaji. Selain itu, setiap hari Jumaat saya mewajibkan mereka ke masjid.  'hurmm, bagi saya tiada perbezaan. Setiap tugas anak perempuan, anak lelaki perlu lakukan juga

	seperti mengemas rumah dan mengemas bilik
2	Anak perempuan saya lebih banyak bersama ibunya, senang dipantau. Bagi saya anak lelaki pula lebih cepat memahami dan senang dibentuk  “Di dalam rumah saya banyak memberi mereka nasihat dan teguran manakala di luar rumah saya mengharap kerjasama dari rakan-rakan dan guru untuk menegur
3	Berbeza. Anak perempuan saya akan didik ikut cara perempuan seperti menjaga maruah dan menutup aurat. Tetapi anak lelaki mudah sedikit daripada perempuan
4	Perbezaan dari segi kasih sayang. Saya lebih memberi perhatian kepada anak lelaki bongsu saya dan ini membuatkan anak perempuan saya kadang kala cemburu. Bagi saya anak perempuan sukar untuk dibentuk
5	Sama sahaja. Anak lelaki juga perlu membuat kerja-kerja rumah seperti memasak dan membasuh baju supaya mereka pandai berdikari
6	Anak lelaki lebih mudah dididik dan diajar. Bagi anak perempuan pula, sukar sedikit dan akan memberi nasihat yang baik dan berguna mereka buat.
7	Tiada perbezaan. Cara mendidiknya sama sahaja
8	Tiada perbezaan cuma terapkan dengan penuh kasih sayang tetapi dari segi pemakaian mestilah ikut cara masing-masing seperti lelaki pakai pakaian lelaki begitu juga sebaliknya. Bagi yang masih kanak-kanak, kadang kala tingkah laku sukar dikawal seperti kanak-kanak perempuan yang akan memanjat dan berkelakuan kasar seperti lelaki. Ibu bapa perlu menegurnya dan apabila sudah besar mereka akan memahaminya.
9	Bagi anak lelaki, bapa akan mengambil tugas mengasuh anak lelaki lebih dari ibu kerana mereka akan mudah dibentuk. Ibu pula akan lebih rapat dengan anak perempuan
10	Banyak perbezaannya. Pada anak lelaki, ibu bapa boleh lebih terbuka. Jika menegur, ibu bapa boleh menegur secara berdepan memandangkan lelaki perlu kuat dan tidak boleh lemah. Ibu bapa perlu mengajar anak lelaki supaya lebih bertanggungjawab terhadap ibu bapa dan jika ada adik perempuan mereka perlu menjadi pemimpin. Pada anak perempuan, perlu tekankan aspek penjagaan aurat dan pergaulan. Anak perempuan juga perlu lebih menjaga akhlak, mempunyai nilai sopan santun yang tinggi dan perlu banyak merujuk ibu bapa. Ibu bapa perlu lebih rapat dengan anak perempuan supaya mereka tidak rasa ada orang yang lebih darinya

### **XIII. KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Hasil dapatan kajian menunjukkan gaya asuhan yang paling dominan mempengaruhi ibu bapa dalam mendidik anak ialah gaya asuhan autoritatif ( $n=7$ ) dan diikuti oleh gaya asuhan permisif ( $n=3$ ). Secara keseluruhan menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa banyak mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Oleh itu, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa ibu bapa bukan sahaja perlu mempunyai taraf sosioekonomi yang kukuh tetapi perlu ada ilmu tentang gaya asuhan yang baik untuk mengasuh dan mendidik anak dengan baik dan teratur. Walaupun tinggal dalam keluarga nuklear atau keluarga luas tetapi pengetahuan keibubapaan untuk menguruskan rumah tangga itu perlu dimiliki oleh ibu bapa. Para ibu bapa juga perlu tahu gaya keibubapaan supaya dapat melahirkan modal insan cemerlang dan berguna kepada bangsa dan negara.

Gaya asuhan ibu bapa yang tidak konsisten sudah tentu akan mengundang pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan anak-anak masa akan datang. Oleh itu, ibu bapa harus diwajibkan menghadiri kursus keibubapaan sebelum melangsungkan perkahwinan mereka. Tindakan sebegini akan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan keibubapaan dan cara untuk mengurus rumah tangga. Apabila anak-anak ingin membentuk keluarga masing-masing maka ibu bapa akan dijadikan ‘*role model*’ untuk dicontohnya. Tradisi ini akan berlanjutan daripada satu generasi kepada satu generasi yang baru. Struktur keluarga dan stail keibubapaan merupakan aspek yang saling berkaitan antara satu sama lain dalam mencorakkan kehidupan sosial seseorang anak. Oleh itu, ibu bapa merupakan tunggak utama dalam membentuk peribadi mulia anak-anak.

## RUJUKAN

- 1) Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2000). *Psikologi asuhan keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 2) Aeril, D.T. (1983). *Family and friends as a social environment and their relationship to young adolescents use of alcohol, tobacco and marijuana*. Journal of Marriage and the Family. 49: 151-164.
- 3) Ahmad Yassin Lauto. (2006). *Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan personaliti remaja sekolah harian biasa*. Tesis sarjana. UTM.
- 4) Atan Long. (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 5) Azizi Yahaya & Sidek Latiff. (2005). *Membentuk Identiti remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors.
- 6) Azizi Yahaya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. (2005). *Hubungan antara konsep kendiri, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian pelajar*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Motivasi dan Pembelajaran.
- 7) Alice Rani, A.S.(1988). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UKM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan)
- 8) Baumrind D. (1996). *Effect of authoritative parental control on child behavior*. Child Development 37: 897-906.
- 9) Baumbach K. Forward G.L. & Hart D. (2006). Communication and Parental influence on late adolescent spirituality. The Journal of Communication and Religion. 29(2):394-420
- 10) Balan Rathakrishnan & Rahimah Abd Rahim. (2006). *Etnik dan gaya keibubapaan ke atas penglibatan pelajar dalam penagihan dadah : Satu kajian awal di Sabah*. Jurnal Pendidikan, 123-141
- 11) Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Thousand Oaks, CA : Sage.
- 12) Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research* (3<sup>rd</sup> ed.). Thousand Oaks CA: sage.
- 13) Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson Prentice Hall.
- 14) Darling, N., & Steinberg, L.(1993). *Parenting style as context: An integrative model*. Phychological bulletin, 113(3): 487-496
- 15) Dzulkarnain. (1999). *Pengaruh budaya ibu bapa, rakan sebaya, masyarakat dan sekolah dalam pembentukan disiplin pelajar*, Tesis PhD, UKM.
- 16) Fatanah Mohamad. (1997). *Perkaitan antara pencapaian akademik dengan faktor personaliti dan persekitaran keluarga di kalangan pelajar MRSM*. Disertai Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 17) Gottman, D. (1997). *The heart of parenting: Raising an emotionally intelligent child*. New York: Simon & Schuster.
- 18) Habibah Alias & Noran Fauziah Yaakub. (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 19) Ishak Mad Saad. (2004). *Konsep kendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: Melihat sejauh mana gaya kepimpinan ibu bapa sebagai moderator*. Jurnal Teknologi. 40(E): 33-44.
- 20) Kamarulzaman Kamaruddin. (2011). *Psikologi perkembangan : panduan untuk guru*. Perak. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- 21) Kerlinger, FM. (1986). *Foundation of Behavioral Research*. (3rd ed.) New York: Winston Inc.
- 22) Mizell, C.A. 1999. *The consequence of the adolescence environment self-concept and adult achievement*. Journal of Black Psychology. Vol.25.
- 23) Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 24) Muhammad Al-Ghazali. (2008). *Akhlaq Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: crescent News Sdn. Bhd.
- 25) Muhamadul Bakir Yaakub. (2004). *Peranan keibubapaan dalam menangani permasalahan sosial semasa dari perspektif Islam*. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak 2004. The Gurney Hotel & Residences, Pulau Pinang. 21-22 Julai.
- 26) Noor Azniza Ishak. (2009). *Pendekatan brief counselling untuk kelompok salah penyesuaian psikologi*. Kedah. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- 27) Patterson, G. (1989). *A developmental perspective on antisocial behaviour*. American Psychologist. 44: 329-335.

- 28) Ron Avi Astor, Rani Benbenishty & Jose Nunez Estrada. (2009). *American Educational Research*. America. Universiti Southern California.
- 29) Sham Sani Salleh. (1994). Latar Belakang Keluarga, Perhubungan Ibu Bapa Dengan Remaja dan Konsep Kendiri Remaja Delinkuen dan Bukan Delinkuen. Tesis Sarjana Muda. Universiti Pertanian Malaysia.
- 30) Sulaiman Samsuri. (2004). *Research Methods For The Social Sciences: Made Simple*. Selangor : DSS Publication.
- 31) Woodard, T. & Bahr, E. (1984). *Socioeconomic status and reported delinquent behaviour*. Journal of Social Problems. 13: 2, 314-324
- 32) Zainah Ahmad Zamani, Li Yee Wah & Arfah Sulaiman. (2003). *Gaya didikan anak keluarga Melayu dan Cina: Satu perbandingan*. Prosiding Seminar Kekeluargaan Kebangsaan. 103-112.
- 33) Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). *Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor*. Journal of Islamic and Arabic Education 3(2), 2011 31-40.
- 34) Nor Azira Mohamed. (2013). <http://noraziramohamed.blogspot.com/2013/04/teks-norazira-mohamed-rasulullah-s.html>
- 35) Nor Azira Mohamed. (2013).<http://noraziramohamed.blogspot.com/2013/04/panduan-terbaik-mendidik-anak-lelaki.html>